

Elak penjawat awam terbabit militan IS

Melaka perkenal tapisan keselamatan

Oleh SHAZZUAN SHAH MOHD SALEH

DURIAN TUNGGAL 30 Mac - Kerajaan negeri akan melaksanakan Program Tapisan Keselamatan bagi penjawat awam di Melaka sebagai langkah keselamatan untuk mengelakkan golongan itu terbabit dengan perkara negatif.

Ketua Menteri, Datuk Seri Ir. Idris Haron berkata, langkah itu diambil bagi mengelakkan penjawat awam terlibat dengan perkara seperti militan yang semakin menular di Malaysia.

"Hari ini kita dapat lihat segelintir rakyat ne-

gara ini terjebak dengan militan Islamic State (IS) yang menyebabkan kematian golongan yang tidak bersalah dengan mempergunakan agama Islam.

"Kita kluatir penjawat awam terjebak kerana minat atau atas dasar simpati terhadap perjuangan militan, pada pandangan mereka betul, tapi sudah tersasar jauh dari haluan sebenar.

"Mereka akan diuji dengan ujian urin terlebih dulu dan jika didapati positif, kerajaan negeri akan mengambil tindakan di bawah perintah am *General Order*," katanya.

Idris berkata demikian semasa ditemui pemberita selepas merasmikan Program Taklimat Keselamatan dan Ancaman Gerakan Militan Islamic State (IS) di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di sini, hari ini.

Idris memberitahu, peranan institusi pendidikan tinggi (IPT) di negara ini penting dalam memberi pendedahan lebih meluas tentang bahaya aktiviti militan.

"Penglibatan beliau dalam IS kerana mereka kurang berilmu, tidak memahami keutamaan, malah bertindak melulu dengan mengambil kepu-

tusan berjuang di Iraq dan Syria sedangkan tanggungjawab beliau negara ini jauh lebih besar dalam membantu negara membangunkan kekuatan ilmu dan teknologi agar berupaya menjadi negara maju yang boleh membawa keamanan pada dunia.

"Sebagai sebuah negeri maju, keselamatan dan ketenteraman awam amat penting dipulihara bukan saja demi rakyat, tetapi juga untuk pengunjung yang datang ke Melaka yang terkenal sebagai negeri pelancongan dengan rakyat yang berbilang kaumnya, keturunan, kebudayaan dan keperca-

yaan," katanya.

Jelasnya, tanpa keselamatan dan ketenteraman awam, amat sukar bagi kerajaan merancang dan melaksana pelbagai program pembangunan demi menjaga kesejahteraan hidup rakyat.

"Dalam erti kata lain, keselamatan negara adalah pra-syarat utama dalam usaha memastikan setiap program pembangunan yang telah dirancang memberi manfaat kepada rakyat," ujarnya.

Turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Wira Othman Muhamad; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira

Naim Abu Bakar; Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi, Datuk Wira Md. Yunos Husin serta Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib.

Taklimat telah disampaikan oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Keurusetiaan Cawangan Khas Bukit Aman, SAC Datuk Rosli Abas.

Lebih 2,000 orang termasuk kakitangan awam serta pelajar institut pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta hadir pada taklimat berkenaan.



IDRIS menerima cenderahati daripada Md. Yunos (dua, kiri) sambil disaksikan Shahrin (kiri) dan Naim (kanan).



SEBAHAGIAN dari Ahli Dewan Undangan Negeri dan kakitangan awam pada majlis berkenaan.